

17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS)**
TARIKH : **07.11.2017**
NO. SOALAN : **14**

YB Dato' Ngeh Koo Ham minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah eksport dan import negara dalam Dollar Amerika dan dalam Ringgit Malaysia bagi tahun-tahun 2013 hingga 2016 mengikut kadar penukaran wang pada tahun-tahun berkenaan.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tempoh 2013 hingga 2016, jumlah perdagangan Malaysia mencatatkan peningkatan sebanyak 8.6% kepada RM 1,485.78 bilion daripada RM1,368.69 bilion. Purata peningkatan tahunan yang dicatatkan di antara tahun-tahun tersebut adalah sebanyak 2.8%. Kedua-dua eksport dan import negara merekodkan peningkatan di antara tahun 2013 dan 2016. Jumlah eksport meningkat kepada RM786.96 bilion daripada RM719.99 bilion dengan purata peningkatan sebanyak 3.0% setahun. Jumlah import pula meningkat kepada RM698.82 bilion daripada RM648.69 bilion dengan purata peningkatan sebanyak 2.5% setahun.

Huraian prestasi perdagangan dalam Ringgit Malaysia termasuk pecahan eksport dan import adalah seperti berikut:

- Pada tahun 2013, jumlah dagangan Malaysia adalah RM1,368.69 bilion dengan nilai eksport dan import masing-masing mencatatkan RM719.99 bilion dan RM648.69 bilion.
- Bagi tahun berikutnya iaitu tahun 2014, jumlah perdagangan negara adalah berjumlah RM1,448.35 bilion dengan nilai eksport sebanyak RM785.42 bilion dan nilai import sebanyak RM682.94 bilion.
- Jumlah dagangan pada tahun 2015 adalah sejumlah RM1,463.13 bilion. Nilai eksport dan import masing-masing merekodkan RM777.36 bilion dan RM685.78 bilion.
- Pada tahun 2016 pula, Malaysia telah mencatatkan jumlah perdagangan sejumlah RM1,485.78 bilion dengan nilai eksport sebanyak RM786.976 bilion dan nilai import sejumlah RM698.82 bilion.

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam mata wang Dolar Amerika pula, jumlah perdagangan negara di antara tahun 2013 dan 2016 mencatatkan penurunan sebanyak 17.5% kepada USD358.09 bilion, atau dengan purata penurunan 6.0% setahun. Dalam jangka masa tersebut, eksport negara mengalami purata peratus penurunan sebanyak 5.7% setahun kepada USD189.66 bilion daripada USD228.33 bilion dan import juga mengalami purata penurunan sebanyak 6.2% setahun kepada USD205.90 bilion daripada USD168.43bilion.

Huraian prestasi perdagangan dalam Dolar Amerika termasuk pecahan eksport dan import adalah seperti berikut:

- Pada tahun 2013, jumlah dagangan Malaysia adalah USD434.23 bilion dengan nilai eksport dan import masing-masing mencatatkan USD228.33 bilion dan USD205.90 bilion.
- Bagi tahun 2014, jumlah perdagangan negara adalah berjumlah USD442.78 bilion dengan nilai eksport sebanyak USD233.93 bilion dan nilai import sebanyak USD208.85 bilion.
- Jumlah dagangan pada tahun 2015 adalah sejumlah USD375.17 bilion. Nilai eksport dan import masing-masing merekodkan USD199.16 bilion dan USD176.01 bilion.
- Pada tahun 2016 pula, Malaysia telah mencatatkan jumlah perdagangan sejumlah USD358.09 bilion dengan nilai eksport sebanyak USD189.66 bilion dan nilai import sejumlah USD168.43 bilion.

Tuan Yang Di Pertua,

Perdagangan negara menunjukkan peningkatan apabila dirujuk dalam Ringgit Malaysia manakala penurunan apabila dirujuk dalam Dolar Amerika. Ingin saya nyatakan di sini bahawa perbezaan ini adalah disebabkan oleh kejatuhan kadar mata wang Ringgit Malaysia berbanding Dolar Amerika, dan bukannya akibat prestasi perdagangan negara yang kurang memuaskan.